



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### **KUSKOP PACU EKONOMI LUAR BANDAR SABAH, 111 TAPAK TAMU DESA MANFAATKAN LEBIH 6,203 PENIAGA**

---

**MEMBAKUT, 5 JULAI** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus memperkukuh ekosistem ekonomi luar bandar menerusi kelulusan pembangunan 111 tapak Tamu Desa di seluruh Sabah. Inisiatif strategik di bawah Program Pembangunan Premis Tamu Desa ini secara keseluruhan telah memanfaatkan 6,203 peniaga di Sabah dan Sarawak sejak dilaksanakan pada tahun 2024.

Komitmen tersebut dizahirkan melalui majlis perasmian Tamu Desa Kampung Daingin di Ulu Kimanis, Sabah hari ini oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Mohamad bin Alamin. Projek pembangunan semula di Daerah Membakut ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah Membakut selaku Agensi Pelaksana, serta dipantau bersama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Sabah.

YB Datuk Mohamad bin Alamin menegaskan bahawa Tamu Desa bukan sekadar hab aktiviti ekonomi, malah berperanan sebagai platform memelihara warisan budaya masyarakat tempatan melalui pemasaran produk domestik di bawah satu bumbung.

"Penyediaan infrastruktur yang moden, selamat dan sistematik ini merupakan komitmen berterusan Kerajaan bagi meningkatkan daya saing serta daya tahan usahawan mikro dalam mendepani ketidaktentuan ekonomi dan krisis bekalan global," ujar beliau.

Inisiatif ini amat bertepatan dengan aspirasi "Hebatkan Perniagaan Malaysia" yang memfokuskan kepada pembangunan kapasiti usahawan, akses pembiayaan menyeluruh, serta pengukuhan promosi produk tempatan ke peringkat domestik dan global.

Bagi memastikan kelestarian impak program, KUSKOP menggesa Jawatankuasa Tamu Desa agar lebih proaktif dalam aspek pengurusan, penyelenggaraan, kebersihan dan keselamatan. Selain itu, premis ini disaran berfungsi sebagai pusat pembangunan komuniti melalui penganjuran program keusahawanan, literasi kewangan, dan bimbingan perniagaan.

Sejajar dengan matlamat tersebut, agensi di bawah KUSKOP seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Bank Rakyat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan TEKUN Nasional akan memperluas program turun padang bagi membantu usahawan mikro meningkatkan kapasiti operasi. KUSKOP turut menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan peniaga Tamu Desa sebagai pemangkin ekonomi setempat melalui sistem pembelian pukal, kemudahan kredit mikro, dan pengagihan keuntungan yang mampan.

KUSKOP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Daerah Membakut, ICU JPM Sabah, serta semua pihak yang terlibat. Sinergi strategik ini mencerminkan komitmen jitu dalam memperkasa pembangunan sosioekonomi luar bandar demi kesejahteraan rakyat secara inklusif.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**5 JULAI 2026**

